

Mahathir dukacita ada pihak enggan amalkan tolak ansur

UM 25 JUN 1984

ALUR SETAR 24 Jun Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dukacita usaha kerajaan untuk mencapai perpaduan masih tidak berjaya 100 peratus kerana ada satu pihak yang tidak mahu mengamalkan cara-cara bertolak ansur dan perdamaian.

"Kita hendak berusaha untuk mencari jalan supaya kita mencapai perpaduan tetapi malangnya usaha kita sehingga ini tidaklah berjaya 100 peratus," ujar Perdana Menteri.

"Ini ialah kerana fahaman politik mereka mempengaruhi kepercayaan terhadap agama mereka dan ini sangat mencemburukkan kedudukan orang-orang Islam di dalam negara kita ini."

ah membuat lawatan kedua negeri yang berperang itu tetapi mereka tidak mahu sama sekali menerima nasihat supaya menghentikan peperangan sesama orang-orang Islam dengan memberi alasan bahawa negara ini menjatuhkan hukum kepada negeri-negeri yang terlibat," jelasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyebut, mengikut ajaran Al-Quran kalau ada perselisihan antara dua orang Islam, tugas orang Islam ketiga ialah cuba mendamaikan mereka.

"Kalau ada mana-mana satu pihak yang tidak mahu menerima perdamaian, tugas kita ialah melawan orang yang tidak mahu kepada perda-

buat kerana tugas kita tidak boleh menghukum, tugas kita ialah untuk mendamaikan," tambahnya.

Beliau selanjutnya menyatakan bahawa perkara itu berlaku kerana tidak ada semangat berbaik-baik sesama jiran dan kerana itu maka terjadilah peperangan dan banyaklah orang Islam yang mati sia-sia sahaja.

Menurutnya,

"walaupun mereka percaya bahawa mereka mati syahid tetapi saya tidak tahu sama ada kita boleh terima atau tidak dakwaan mereka ini."

"Tetapi apa yang nyata ialah mereka ini berperang sesama orang-orang Islam dan membunuh orang-orang Islam," ujar Perdana Menteri.

Beliau menyatakan sekali lagi ada sifat tidak ada toleran, tidak ada tim-

bang rasa dan tidak mahu bertolak ansur selama itulah peperangan ini akan berterusan dan ramailah orang Islam akan mati kerana peperangan itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir mensifatkan kejadian tersebut sangat mendukacitakan dan beliau berharap tabiat peperangan antara orang Islam sesama orang Islam ini tidak merebak ke lain-lain tempat.